

30/03/1998

Bantuan Jepun legakan pelajar Malaysia

Mokhtar Yusof

AKHIRNYA seramai 247 pelajar yang telah tamat pengajian masing-masing di bawah Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ) di Universiti Malaya (UM) dan Program Khas Teknikal Jepun (PKTJ) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya juga menyambung pengajian mereka di Jepun bulan depan.

Sebelum ini kemungkinan menyambung pelajaran di negara matahari terbit itu agak samar-samar berikutan langkah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghentikan penghantaran pelajar ke luar negara kerana kegawatan ekonomi yang melanda negara.

Tanda tanya, debar dan resah di kalangan pelajar dan ibu bapa masing-masing terjawab apabila Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini mengumumkan pemergian pelajar berkenaan ke Jepun tetap diteruskan.

Najib dipetik sebagai berkata, Kabinet bersetuju menerima tawaran bantuan Kerajaan Jepun sebanyak RM16 juta untuk membiayai pemergian dan pengajian pelajar berkenaan.

Perlu disebutkan juga, RPKJ dan PKTJ diperkenalkan menerusi program Pandang ke Timur yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1981.

Pelajar lepasan SPM yang diterima masuk mengikuti kursus RPKJ umpamanya dikehendaki mengikuti kursus intensif Bahasa Jepun dan mata pelajaran sains atau sains sosial dalam tempoh dua tahun di UM.

Pada tahun kedua `persediaan khas' di UM itu, pelajar berkenaan perlu menduduki Peperiksaan Monbusho untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tertentu di Jepun selama antara dua hingga empat tahun.

Setiap tahun juga (sejak 1984) antara 100 hingga 150 pelajar RPKJ ini akan berlepas ke Jepun selewat-lewatnya pada penghujung Mac.

Bagi kumpulan ke-15 yang sepatutnya berlepas pada 23 dan 24 Mac ternyata tergendala bukan kerana wujudnya kerenah birokrasi khasnya di JPA sebaliknya kerana masalah ekonomi negara.

Komitmen Kerajaan Jepun yang mahu memastikan program ini berterusan terbukti apabila ia menawarkan bantuan sebanyak RM16 juta kepada Kerajaan Malaysia.

Bantuan dan seterusnya jaminan daripada Menteri Pendidikan yang disebutkan di atas tadi dengan sendirinya mencerahkan harapan pelajar terbabit yang agak berjerebu sebelum ini.

Malah, ketika berlangsungnya majlis penyampaian sijil kepada pelajar-pelajar terbabit di Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Universiti Malaya hujung Februari lalu, pihak UM memberi jaminan menerima pelajar terbabit jika mereka tidak berpeluang ke Jepun kerana masalah ekonomi.

Pihak JPA sendiri pada majlis sama mengakui kedudukan atau nasib kumpulan ke-15 pelajar RPKJ itu belum dapat dipastikan dan hanya menunggu keputusan muktamad khasnya daripada Perbendaharaan.

Pelajar RPKJ ini juga umpamanya tidak boleh disamakan dengan pelajar lain yang mengikuti apa jenis kursus persediaan sekalipun.

Jika mereka tidak dihantar ke Jepun setelah tamat kursus atau pengajian (persediaan) selama dua tahun di UM itu, maka apa yang mereka perolehi selama tempoh masa berkenaan ternyata sia-sia sahaja.

Baik pelajar RPKJ mahupun PKTJ (UTM) ini juga agak berbeza berbanding pelajar lain yang ditaja oleh JPA untuk menyambung pelajaran di luar negeri.

Pelajar yang diambil di bawah program Pandang ke Timur ini boleh dianggap sebagai `anak angkat' Jepun kerana sebahagian kos pengajian mereka dibiayai oleh Kerajaan Jepun.

Jadi, apabila Kerajaan Jepun menyatakan kesediaannya memberi bantuan tambahan sebanyak RM16 juta itu dan ianya (bantuan) telah dipersetujui oleh kerajaan kita maka dengan sendirinya penghantaran pelajar di bawah program yang sama akan berterusan.

(END)